



DASAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Adalah menjadi dasar Majlis Perbandaran Kuala Langat untuk memastikan semua pekerjaanya dan orang - orang lain yang mungkin terlibat dalam aktiviti - aktiviti berada di persekitaran kerja yang sihat dan selamat.

Pihak pengurusan dan pekerja akan bersama – sama berusaha untuk mencapai matlamat dasar ini melalui rundingan dan kerjasama yang berterusan.

Bagi melaksanakan dasar ini, MPKL adalah komited :-

- Menyediakan dan menyelenggarakan persekitaran dan tempat kerja yang sihat dan selamat.
- Menyediakan kemudahan – kemudahan kebajikan asas bagi semua pekerja termasuk peralatan pencegahan dan keselamatan diri.
- Memastikan semua pekerja diberi maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan berkenaan cara menjalankan tugas mereka dengan selamat dan tanpa risiko kepada kesihatan.
- Memastikan kakitangan sentiasa mematuhi SOP norma baharu Covid – 19 agar terhindar dari sebarang masalah kesihatan yang tidak diinginkan.
- Melaporkan dan menyiasat setiap kejadian berbahaya dan kemalangan yang berlaku serta mengambil langkah – langkah yang perlu bagi memastikan perkara tersebut tidak berulang kembali.
- Menggalakkan penyertaan kakitangan dalam aktiviti keselamatan dan kesihatan pekerjaan melalui Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
- Mengkaji semula dasar ini dari semasa ke semasa.

MPKL yakin bahawa keselamatan dan kesihatan yang dipertingkatkan secara berterusan dapat diterapkan dalam aktiviti seharian kakitangannya. Semoga dengan terbinanya dasar ini, dapat membentuk amalan budaya kerja yang sihat dan selamat.

.....
(DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABDUL RAHIM, D.I.M.P)

Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Kuala Langat